

13 SEP 2002

Mahathir-Pelabur (Bergambar)

DR MAHATHIR MAHU NEGERI USAHA TARIK MINAT PELABUR

GURUN, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negeri-negeri mesti dapat menarik minat lebih banyak pelabur untuk menjadikan negeri berkenaan maju.

Katanya langkah itu memberi faedah kepada rakyat daripada segi bertambahnya peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan.

Kerajaan juga menggalakkan pelaburan dari negara luar bagi membolehkan rakyat mempelajari cara syarikat asing itu menguruskan perniagaan mereka, katanya pada majlis pecah tanah kilang pembuatan dan pemasangan kenderaan Naza Automotive Manufacturing Sdn Bhd di sini.

Perdana Menteri turut menegaskan perlunya pekerja di negara ini meningkatkan kecekapan dan kesedaran ke arah menghasilkan produk berkualiti tinggi dan menepati piawaian antarabangsa.

Mengenai usaha menarik pelaburan Dr Mahathir menegur sesetengah kerajaan negeri yang mengenakan syarat tertentu terhadap pelabur yang mahu melabur di negeri terbabit seperti meminta saham percuma.

Perbuatan itu telah menyebabkan pelabur berkenaan lari ke negeri lain atau ke negara lain, katanya.

"Apabila kerajaan pusat telah meluluskan sesesuai pelaburan, kerajaan di negeri berkenaan pula mengenakan pelbagai syarat seperti minta saham percuma," kata beliau.

Tindakan seperti itu adalah amalan rasuah dan harus dihentikan supaya negeri terbabit tidak rugi, katanya.

Dr Mahathir juga melahirkan rasa kecewanya kerana banyak peniaga bumiputera yang diberi permit (AP) untuk mengimport kenderaan terpakai, menyalahgunakan peluang yang diberikan kerajaan untuk menjadi usahawan itu.

Katanya kerajaan telah mengeluarkan beribu AP kepada golongan bumiputera untuk mengimport kenderaan terpakai terutamanya dari Jepun kerana kerajaan mahu menjadikan mereka usahawan berjaya.

"Tetapi mereka jual AP yang diberi percuma oleh kerajaan itu dengan hasrat untuk mendapat keuntungan cepat. Kemudian mereka kembali meminta AP lagi daripada kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata kalau peniaga bumiputera itu betul-betul menjalankan perniagaan dengan AP yang diberikan itu, mereka akan mendapat keuntungan yang besar.

"Saya bersyukur walaupun ada banyak yang salahguna AP, masih terdapat segelintir bumiputera yang berjaya mengambil peluang menjadi usahawan berjaya dan mendapat keuntungan serta seterusnya membesarkan perniagaan," katanya.

Dr Mahathir berkata hasrat kerajaan untuk melahirkan 30 peratus usahawan bumiputera melalui dasar ekonomi baru gagal kerana sikap menjual AP itu.

"Mereka bukan usahawan tulen yang sebenarnya. Mereka adalah penjual AP dan kontrak," katanya.

Perdana Menteri berkata ada sesetengah usahawan bumiputera yang tidak tahu langsung tentang selok-belok berniaga kerana hanya duduk di rumah dan menyerahkan urusan perniagaan kepada bukan bumiputera.

-- BERNAMA

MAN MZM NMO